

UMUR DAN PERTUMBUHAN IKAN SEBARAU
(*Hampala macrolepidota* van Hasselt) DI SUNGAI
PETANG, TASIK KENYIR

SAIFOL BIN SOTERI @ SOTRI

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
TERENGGANU
1996

**UMUR DAN PERTUMBUHAN IKAN SEBARAU
(*Hampala macrolepidota* van Hasselt) DI SUNGAI PETANG, TASIK
KENYIR**

**OLEH
SAIFOL BIN SOTERI © SOTRI**

**Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Bachelo Sains Perikanan**

**FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA TERENGGANU
KUALA TERENGGANU, TERENGGANU**

1996

1100023942

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izinnya maka kajian ini telah berjaya disiapkan dalam jangkamasa yang telah ditetapkan. Dengan limpah rahmat-NYA juga, segala masalah yang timbul semasa kajian ini dijalankan telah berjaya diatasi.

Setinggi-tinggi ucapan terimakasih kepada Dr. Mohd Azmi B. Ambak, selaku penyelia utama yang telah banyak memberikan tunjukajar yang sangat berguna dari peringkat awal kajian sehinggalah terhasilnya laporan ini.

Tidak lupa juga kepada En. Manaf, En. Alkisah, En. Rashid, En. Fadhil, En. Mohd Noh, En. Wahid, Kak Tini dan Yusaini yang telah banyak memberikan bantuan samada semasa kerja-kerja penyampelan di Tasik Kenyir mahupun semasa penganalisaan sampel di makmal. Segala bantuan yang telah diberikan diucapkan ribuan terima kasih. Bagi mereka yang tidak disebutkan di sini, saya meminta berbanyak-banyak maaf, segala bantuan yang telah dihulurkan tetap dihargai.

Buat ayah dan emak yang sentiasa memberikan sokongan dari segi material mahupun moral, jasmu tetap diingati sehingga

ke akhir hayat. Semoga pengorbananmu akan dibalas oleh Allah s.w.t. hendaknya.

Akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan untuk memohon ribuan kemaafan kepada semua yang terlibat sekiranya ada kesilapan atau kesalahan yang telah saya lakukan samada yang disedari atau tidak disedari sepanjang masa kajian ini dijalankan.

Saifol B. Soteri @ Sotri
Bac. Sains Perikanan
Disember 1996

ABSTRAK

Kajian penentuan umur dan pertumbuhan Ikan Sebarau (*Hampala macrolepidota* van Hasselt) telah dijalankan di Sungai Petang, Tasik Kenyir. Anggaran umur dilakukan dengan dua kaedah iaitu pengiraan tanda (gegelang) pertumbuhan harian pada otolit dan kaedah frekuensi panjang. Sebanyak 123 ekor Ikan Sebarau telah berjaya ditangkap semasa penyampelan yang dilakukan antara bulan September hingga Disember 1995. Umur yang diperolehi daripada pengiraan tanda pertumbuhan harian pada otolit berjulat antara 228 hingga 534 hari manakala kaedah frekuensi panjang menunjukkan terdapat 3 kumpulan umur. Persamaan pertumbuhan von Bertalanffy digunakan untuk menerangkan kadar pertumbuhan Ikan Sebarau. Kaedah Ford-Walford dan program FiSAT digunakan untuk mendapatkan parameter L_{∞} , K dan t_0 bagi persamaan pertumbuhan ini. Anggaran parameter yang diperolehi daripada kaedah Ford-Walford adalah $L_{\infty} = 43.000$ cm, $K = 0.236$ dan $t_0 = -0.045$ tahun manakala anggaran menggunakan program FiSAT adalah $L_{\infty} = 56.316$ cm, $K = 0.445$ dan $t_0 = -0.068$ tahun. Analisa menggunakan regresi linear menunjukkan perhubungan yang bererti ($p < 0.05$) antara umur dan panjang serta umur dan berat ikan.

ABSTRACT

A study on age and growth determination of *Hampala macrolepidota* (van Hasselt) was conducted at Sg. Petang, Kenyir Lake. Two methods are used to determine the age of the studied species, first by counting the daily rings in the otolith and second by the length frequency method. The sampling activities are carried out for September to December, 1995 and 123 specimens of *H. macrolepidota* has been captured. The first method showed that the age of the species range between 228 to 534 days. The second methods showed existence of 3 age groups. The von Bertalanffy growth equation was used to describe the growth rate of the species. Ford-Walford methods and the FiSAT program were used to obtain the parameter of L_{∞} , K and t_0 . Ford-Walford methods gives $L_{\infty} = 43.0$ cm, $K = 0.236$ and $t_0 = -0.045$ year. FiSAT program gives $L_{\infty} = 56.316$ cm, $K = 0.445$ and $t_0 = -0.068$ year. The linear regression result shows the significant relationship ($p < 0.05$) between the age and length and age and weight of fish.